

03 MAY 2002

Mahathir-Nasionalis

NASIONALIS BAHASA BUKAN NASIONALIS SEBENAR, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 3 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata nasionalis yang hanya memperjuangkan satu sudut bahasa bukanlah nasionalis sebenar kerana nasionalis sebenar adalah mereka yang berpendirian untuk membangunkan bangsa secara keseluruhan.

Beliau mengingatkan golongan yang menganggap diri mereka sebagai nasionalis yang memperjuangkan bahasa Melayu supaya tidak mempraktikkan sentimen melampau dalam memperjuangkan isu itu.

"Jangan jadi fanatik bahasa, kita nak (hendakkan) ilmu. Kita hidup dalam era maklumat," katanya dalam ucaptamanya yang menyentuh makna kebangsaan Melayu semasa perasmian Seminar Pembudayaan ICT di sini hari ini.

Seminar sehari bertajuk Menangani Cabaran K-Ekonomi: Peranan Generasi Muda Ke Arah Pembudayaan ICT anjuran Pemuda Umno itu dihadiri kira-kira 800 orang termasuk pelajar universiti dan usahawan muda.

Dr Mahathir berkata bahasa Inggeris kini merupakan bahasa ilmu, dan tanpa kefasihan dan kefahaman dalam bahasa itu adalah sukar untuk rakyat negara ini menguasai ilmu dan maklumat yang ada.

Mereka yang menentang penggunaan bahasa Inggeris, dan hanya mahu rakyat di negara ini mahir dalam bahasa Melayu bukanlah nasionalis yang sebenar, tegas beliau.

Perdana Menteri berkata: "Nasionalis sebenar bangsa ialah mereka yang mahu melihat bangsanya berdiri sama tinggi, duduk sama rendah dengan bangsa-bangsa lain di dunia.

"Ini tidak boleh dicapai jika (rakyat) hanya fasih dalam bahasa Melayu kerana ianya tidak mencukupi."

Rakyat Malaysia perlu menguasai bahasa yang boleh dimanfaatkan, malah bagi orang Melayu, ia tidak membebankan bagi mereka menguasai dua bahasa iaitu bahasa Melayu dan bahasa Inggeris.

Beliau menarik perhatian kepada orang Cina yang berkeupayaan menguasai kedua-dua bahasa itu, selain dari bahasa ibunda mereka.

Malahan maklumat-maklumat dan ilmu pengetahuan kini adalah dalam bahasa Inggeris dan menyukarkan serta melambatkan jika maklumat ini perlu diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu, kata Dr Mahathir.

Beliau berkata selain memerlukan penterjemah yang baik dalam kedua-dua bahasa itu, mereka juga harus merupakan pakar dalam bidang yang akan diterjemahkan supaya ilmu itu tidak lari daripada maksud sebenarnya.

Katanya tidak ada gunanya jika berbahasa dalam bahasa Melayu dengan menggunakan pepatah Melayu yang baik, jika bercakap dengan orang yang tidak faham bahasa itu.

"Bahasa itu hanya boleh digunakan bila berhubung dengan orang yang memahami bahasa berkenaan."

Contohnya, berbahasa Melayu di Geneva mengenai Melayu tidak hilang di dunia tidak akan difahami oleh para pendengar yang terdiri daripada pelbagai budaya dan bahasa, katanya.

Dr Mahathir turut menekankan walaupun jurubahasa atau penterjemah boleh digunakan untuk membantu dua pihak yang berbahasa dalam bahasa masing-masing, tidak semestinya jurubahasa itu boleh menterjemahkan semua yang diperkatakan dengan baik, dan ini boleh menimbulkan salah faham antara kedua-dua pihak.

-- BERNAMA

HK LES HS RON

